

# Ambil tindakan jika terbukti

U.M. 14 SEP 1993

7

**K**UALA LUMPUR 13 Sept. — Tindakan akan diambil sekiranya terbukti benar dakwaan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba bahawa ada pengurusan dan ketua bahagian di Sabah telah dibeli oleh pemimpin tertentu, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Kata Perdana Menteri: "Kalau dakwaan itu benar, saya berasa sangat sedih dan tindakan akan diambil."

Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan bentuk tindakan yang akan diambil atau bila siasatan terhadap dakwaan itu akan dijalankan.

Semalam, Ghafar dilaporkan berkata bahawa UMNO Sabah telah berpaling tadah dan mendakwa pengurusan serta ketua-ketua bahagian di negeri itu telah dibeli oleh Naib Presiden, Dato' Sri Anwar Ibrahim.

Ghafar yang terkejut apabila 13 bahagian Sabah mencalonkan Anwar

berkata, tindakan pengurusan dan ketua-ketua bahagian tidak logik kerana Anwar jarang ke Sabah.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita sebagai mengulas dakwaan tersebut selepas melancarkan Persidangan Perhutanan Komanwel ke-14 di sini hari ini.

Menjawab satu pertanyaan, beliau berpuas hati dengan perjalanan persidangan perwakilan bahagian walaupun berlaku sedikit ketegangan di satu bahagian iaitu Jasin, Melaka semalam.

"Setakat ini tidaklah teruk sangat, kecoh sikit-sikit adalah," ujar beliau.

Presiden UMNO itu juga berharap tidak berlaku kekecohan pada baki mesyuarat perwakilan bahagian akan datang.

Beliau berharap tidak terlalu banyak calon bertanding merebut jawatan Ketua Bahagian kerana ia mungkin mendatangkan kesan yang tidak baik.

Dr. Mahathir mengakui ada calon Ketua Bahagian yang tidak mempunyai peluang untuk menang tetapi tetap ingin bertanding.

"Janganlah terlampau banyak sangat yang hendak bertanding jawatan Ketua Bahagian.

"Yang tidak ada peluang nak menang pun masih hendak bertanding," ujar beliau.

## Berkecuali

Dr. Mahathir turut mengulangi pendiriannya berkecuali dalam pertandingan merebut jawatan Majlis Tertinggi UMNO November ini termasuk Naib Presiden dan Timbalan Presiden.

Presiden UMNO itu juga menafikan laporan-laporan akhbar yang menyebut beliau menyokong pemimpin tertentu.

Mengulas kenyataan beberapa tokoh politik tempatan bahawa Anwar berkemampuan untuk meneruskan kesinambungan cita-cita negara

menjadi negara maju pada tahun 2020, PM berkata: "Saya tidak boleh buat pengadilan, terpulanglah kepada ahli-ahli UMNO."

Bagaimanapun, Dr. Mahathir mengakui bahawa ahli-ahli UMNO bersetuju bahawa Anwar mampu membantu beliau menjayakan Wawasan 2020.

"Kalau dia tidak boleh tolong, tentulah dia (Anwar) tidak bertanding," jelasnya.

Beliau berkata, 10 undi yang diberikan bagi setiap pencalonan Timbalan Presiden dan Presiden pada persidangan Perwakilan Bahagian yang sedang berlangsung sekarang adalah bertujuan mengimbangkannya dengan undi semasa Perhimpunan Agung November ini.

Kata beliau, sistem mata ini juga bertujuan supaya setiap pencalonan pada persidangan perwakilan bahagian memberi 'kesan' semasa perhimpunan agung nanti.